

**Agong Berangkat Ke Majlis Santapan Malam Sempena Mesyuarat Majlis Raja-raja Bernama  
08 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah berkenan berangkat ke majlis santapan malam sempena Mesyuarat ke-230 Majlis Raja-raja di Istana Negara di sini.

Turut berangkat hadir Raja Melayu termasuk Sultan Kelantan Sultan Muhammad V, Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir.

Majlis juga diserikan dengan keberangkatan hadir tetamu diraja lain termasuk Pemangku Raja Perak Raja Dr Nazrin Shah dan Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail.

Turut hadir Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor, Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri Puan Sri Norainee Abdul Rahman, menteri-menteri besar, ketua-ketua menteri dan isteri masing-masing.

Tuanku Abdul Halim dan Tuanku Hajah Haminah serta tetamu lain turut berkenan bermesra dengan 12 penerima biasiswa Yang di-Pertuan Agong yang dikurniakan pada majlis Rabu pagi.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=707870>